





Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
ISSN : 2735-1920

# IQRA


BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



libraryuitm



libraryuitm



uitmlibrary



library.uitm.edu.my

**Muka Surat 12**

**SESI KUNJUNGAN HORMAT PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UITMCT**

**Muka Surat 26**

**LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR:  
KESIHATAN "PENJAGAAN KESIHATAN DAN  
PENJAGAAN DIRI: BEAUTY WITH BRAIN"**

**LIVE**

HD

**Muka Surat 25**

**LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR:  
CABARAN BAKAL GRADUAN PASCA COVID-19**

**Muka Surat 27**

**LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR:  
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SEJAHAR,  
CABARAN DAN MASA HADAPAN**

**LIVE**

HD

# 2020

*Selamat Tinggal*



# **SIDANG REDAKSI IQRA'**

## **PENASIHAT**

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## **KETUA EDITOR**

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

## **EDITOR**

Pn. Roslah binti Laman

## **PENOLONG EDITOR**

Cik Nor Sabariah binti Mansor

## **PENYELARAS**

Pn. Adlina binti Abdullah

## **REKABENTUK / GRAFIK**

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

## **WARTAWAN / WAKIL CAWANGAN**

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfararie Mohd Nasir, Pn. Nik Zathihulwani Jamaludin, Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Puan Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

## **PENERBIT**

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

## **KEKERAPAN KELUARAN**

12 Keluaran Setiap Tahun  
ISSN NO : 2735-1920

# **Kata Alu-Aluan Ketua Pustakawan**

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan **Disember 2020**. e-Buletin IQRA ini telah diterbitkan bagi tujuan pihak perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UITM Shah Alam dan juga di seluruh cawangan secara konsisten pada setiap bulan.



**Ts. NOOR HIDAYAT BIN ADNAN  
KETUA PUSTAKAWAN UITM**

Tahun 2020 memperlihatkan perkembangan yang baik bagi Perpustakaan UITM bukan sahaja dari segi perkhidmatan, begitu juga pencapaian. Cabaran yang mendarat terutamanya dalam memerangi Pandemik Covid-19 secara tidak langsung menjadi pemangkin semangat staf perpustakaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Sesi-sesi perkongsian ilmu seperti pameran maya dan program Live@PTAR secara atas talian telah berjalan bagi memastikan maklumat terkini dapat disalurkan kepada pengguna perpustakaan. Pada masa yang sama, sesi kunjungan hormat bersama pengurusan tertinggi dan aktiviti-aktiviti luar turut berjalan mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Akhir kata, semoga lakaran kejayaan yang diperoleh ini akan menjadi pendorong untuk terus cemerlang pada masa akan datang.

Terima Kasih

Wassalam.

**Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,  
Ketua Pustakawan**

# LIBRARY OUTREACH PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA: PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI

## 3 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

BERITA

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Program ini telah dijalankan pada 31 Disember 2020 yang melibatkan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurusan Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.



## LATIHAN SANGKUT (JOB ATTACHMENT) UNIT ARKIB UiTM CAWANGAN MELAKA KE ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA

### 3 DISEMBER 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

Unit Arkib, UiTM Cawangan Melaka telah menjalani latihan sangkut (Job Attachment) selama 7 hari (tidak termasuk hari Sabtu dan Ahad) di Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Latihan ini telah disertai oleh 5 orang staf Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka iaitu:

1. Cik Ilya Nur Fateen Othman - Pustakawan (S41)
2. Encik Jonizam bin Abu Kasim - Pembantu Pemuliharaan Kanan (S22)
3. Encik Kamalrulamir bin Amat - Pembantu Pustakawan Kanan (S22)
4. Puan Salina binti Salehin - Pembantu Pustakawan (S19)
5. Encik Muhammad Asri bin Abu Hashim - Pembantu Pemuliharaan (S19)

Tujuan latihan ini adalah bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan memantapkan lagi kemahiran dan kompetensi staf perpustakaan dengan proses-proses pengurusan rekod dan arkib, klasifikasi fail, perolehan dan penerimaan rekod penting, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan, rujukan dan penyelidikan bahan serta lain-lain fungsi yang berkaitan dengan proses kerja arkib.



# DISKUSI PERKHIDMATAN DIGITAL PTAR BERSAMA REKTOR DAN KETUA PUSAT PENGAJIAN (KPP)

15 DISEMBEN 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Sni



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah



Abrangutte

Abrangutte

utimlibry

Perpustakaan UiTM

Program ini merupakan inisiatif PTAR dan hasrat dari Yang Berbahagia Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor (Rektor UiTM Cawangan Melaka) bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan melalui kerjasama dan komunikasi dua hala antara Perpustakaan dengan Fakulti / Bahagian / Pusat di UiTM.


Objektif utama program adalah untuk mempromosi perkhidmatan sedia ada dan baharu bagi memastikan perpustakaan masih terus relevan terutama dalam norma baharu ini.

Antara maklumat yang telah disampaikan ialah:

1. Pengenalan Organisasi PTAR UiTM Cawangan Melaka
2. Hala Tuju Perkhidmatan Digital PTAR
3. Perkhidmatan Perpustakaan Digital
4. Repozitori Universiti dan Dasar Penyerahan Harta Intelek
5. Cadangan Pembelian Koleksi Perpustakaan
6. Perhubungan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi
7. Pengenalan Liaison Officer (L.O)



Disediakan oleh : Maznah Maaroof

  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah


**Program Jom Pinjam & Book 2U Read @UiTM PTAR Cawangan Melaka bertempat di Ruang Legar Bangunan KPP 1 telah diadakan pada 15 Disember 2020.**

**Program Jom Pinjam & Book 2U Read @UiTM** yang dianjurkan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah adalah program yang mendorong warga UiTM Cawangan Melaka sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan kemudiannya meneruskan amalan membaca.

**Objektif utama program ini dilaksanakan adalah bagi menggalakkan staf UiTM Cawangan Melaka terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca, meningkatkan statistik pinjaman buku perpustakaan dan sebagai wadah mempertingkatkan dan memperhebatkan aktiviti membaca di kalangan Staf UiTM Cawangan Melaka.**

**Program ini berjaya menarik minat warga UiTM Cawangan Melaka dengan kunjungan dari pelbagai Fakulti, Bahagian dan Unit. Jutaan terima kasih dan penghargaan kerana sokongan yang diberikan oleh kunjungan dan pinjaman pertama dari YBhg. Rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor Dr. Abd Halim Bin Mohd Noor.**

# PELUPUSAN FAIL URUSAN AM PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH

18 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

BERITA

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah



Bahagian PTAR, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah melaksanakan proses pelupusan fail Urusan Am secara kitar semula dan jual di sebuah syarikat pembuatan tisu. Sebanyak 64 fail yang telah mendapat kelulusan untuk dilupuskan menggunakan kaedah yang telah disenaraikan oleh pihak Arkib. Proses pelupusan fail ini telah berjalan selama 1 jam dan telah di ketuai oleh Puan Siti Zawiyah binti Minhad, Pembantu Pustakawan Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Pihak perpustakaan telah menghantar borang arkib 12/08 iaitu borang penentusan pemusnahan rekod awam kepada Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka dan borang tersebut telah dihantar kepada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka untuk tindakan seterusnya.



## PELUPUSAN FAIL URUSAN AM PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH

18 DISEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Program Let's Read, Relax & Borrow bertempat di Medan Selera Kolej Tun Sabariah, Bangunan KPP3, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah diadakan pada 23 Disember 2020. Program Let's Read, Read & Borrow adalah Program Jom Pinjam & Book 2U Read@UiTM Siri 2 yang telah dianjurkan oleh PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah dengan kerjasama Unit Pengurusan Kolej. Program kali ini lebih bersasarkan kepada pelajar-pelajar yang menginap di kolej sepanjang pembelajaran secara ODL dan juga kepada warga UiTM Cawangan Melaka secara amnya. Program ini bagi mendorong komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan kemudiannya meneruskan amalan membaca.



LET'S READ,  
RELAX & BORROW

Projek buku kini telah siap!  
Tidak perlu datang ke  
Perpustakaan.....

Kami akan datang kepada anda!  
Ganding Bung dan e-BQI akan  
diberi kepada 90 penilai  
terawal

Jadi...  
Peminjaman tertinggi!  
sekarang berlaku hadiah  
Jangan tinggalkan lagi!  
Jom serai sekarang!

Tarikh : 23 Disember 2020 | Ruang  
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang  
Lokasi : Medan Selera Kolej Tun Sabariah,  
UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

STAY CONNECTED  
Anywhere | Anytime | Anywhere

Objektif utama program ini adalah bagi menggalakkan staf UiTM Cawangan Melaka terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca, meningkatkan statistik pinjaman buku perpustakaan dan sebagai wadah mempertingkatkan aktiviti membaca di kalangan warga UiTM Cawangan Melaka. Tahniah kepada pelajar yang telah memenangi kategori peminjam tertinggi.



# LATIHAN SANGKUT (JOB ATTACHMENT) UNIT ARKIB UiTM CAWANGAN MELAKA BERSAMA JABATAN ARKIB UNIVERSITI UiTM SHAH ALAM

اقرأ

28-30 DISEMBER 2020


BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah




Unit Arkib, UiTM Cawangan Melaka telah menjalani latihan sangkut (Job Attachment) Siri 4 - Staf Unit Arkib Cawangan Melaka, Sabah & Sarawak selama 3 hari bersama Jabatan Arkib Universiti UiTM Shah Alam secara atas talian menggunakan medium Cisco Webex. Latihan sangkut ini telah disertai oleh 5 orang staf Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka iaitu:



1. Cik Ilya Nur Fateen binti Othman – Pustakawan (S41)
2. Encik Jonizam bin Abu Kasim – Pembantu Pemuliharaan Kanan (S22)
3. Encik Kamalrulamir bin Amat – Pembantu Pustakawan Kanan (S22)
4. Puan Salina binti Salehin – Pembantu Pustakawan (S19)
5. Encik Muhamad Asri bin Abu Hashim - Pembantu Pemuliharaan (S19)

Tujuan latihan ini dijalankan adalah bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan memantapkan lagi kemahiran dan kompetensi staf perpustakaan dengan proses-proses pengurusan rekod dan arkib, perolehan dan penerimaan rekod penting, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan, rujukan dan penyelidikan bahan, Galeri Tun Abdul Razak (GTAR) – Sistem e-Gallery UiTM, pendigitalan bahan arkib dengan menggunakan sistem Archive Management System (AMS) dan lain-lain fungsi yang berkaitan dengan proses kerja arkib.



The screenshot shows the AMS interface with several numbered boxes indicating its features:

- 1. Pelanting Utama UiTM [Penyedia rekod satuta]
- 2. Dasar, Polisi, Panduan dan Perundangan UiTM
- 3. Pengiktirafan / Akreditasi :
  - a) Program
  - b) Kursus
  - c) Kualiti
  - d) Keberlanutan
- 4. Memorandum Persefahaman [MOU / MOA]
- 5. Bahagian Penyelesaian PTI
- 6. Gambar Bergerak/Jaripan Program UiTM
- 7. Fail Perhubut Staf / Pelajar
- 8. Petia/Pelan [Lokasi pembangunan ITM / UiTM]
- 9. Rekod Tatatertib Staf / Pelajar [Tarikh Tindakan]
- 10. Rancangan Jangka Panjang UiTM
- 11. Laporan Tahunan, Laporan dan Rekod Kewangan UiTM
- 12. Mesyuarat-mesyuarat Utama UiTM
- 13. Dokumen Kontrak / Tender UiTM

Centered in the interface is a circular icon representing the "Jabatan Arkib Universiti" with the text "499,621 dokumen".

# LAWATAN PELAJAR DARI FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UITM KEDAH KAMPUS MERBOK

11 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

BULETIN

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya telah mengadakan taklimat perpustakaan secara online melalui kaedah Google Meet pada 9 Disember 2020 melibatkan 5 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kedah, Kampus Merbok. Manakala, pelajar tersebut yang tinggal di sekitar Melaka telah melakukan satu sesi lawatan pada 10 Disember 2020. Sesi Penerangan secara online dan sesekali bersemuka telah dikendalikan secara langsung oleh Pn. Siti Haidah Md. Aziz, (Pustakawan Kanan, KBM).



## LIVE@PTAR : HOBI YANG MENJANA PENDAPATAN 16 DISEMBER 2020

LIVE

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz



Untuk melihat semula program, Sila Scan  
QR Code :



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Melaka Kampus Bandaraya telah menganjurkan Program Live@PTAR: Hobi Yang Menjana Pendapatan pada 16 Disember 2020. Program ini telah dikendalikan oleh Pn. Siti Haidah Md. Aziz (Pustakawan Kanan, UiTM Kampus Bandaraya) selaku moderator dan Panel Jemputan Dr. Yusri Salleh, Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah, Dr. Fahmi Abd Rahim, Penolong Rektor UiTM Kampus Bandaraya dan Pn. Ummi Kahum Hassan, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Melaka, Kampus Bandaraya.

Siaran Langsung Live@PTAR ini disiarkan melalui platform Facebook rasmi PTAR Melaka dan YouTube Perpustakaan UiTM.

# MAJLIS BACAAN YASSIN, DOA SELAMAT DAN TAZKIRAH

## 18 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

BERITA

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka

PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin, Doa Selamat dan Tazkirah untuk staf pentadbiran/pensyarah. Majlis tersebut telah diadakan pada 18 Disember 2020 (Jumaat), jam 10 pagi bertempat di PTAR UiTM Kampus Bandaraya Melaka (Aras 12) melibatkan 60 orang peserta.



Disediakan oleh : Mohd Shahnilzam Mat Zain

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan TerengganuSTAY CONNECTED  
ANYWHERE . ANYTIME. ANYONE

UiTM di hatiku



Cawangan Terengganu

### SEGMENT BICARA BUKU

## RESENSI BUKU: SUMBER MOTIVASI KAMI

**MODERATOR**EN. MOHD SHAHNIKZAM MAT ZAIN  
PUSTAKARIAN KAHAR  
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
UITM CAW. TERENGGANU  
KAMPUS BUKIT BESI**PROFIL 1**DR. HAU HELMIYAH  
AHMAD JALALUDDIN  
PENSYARAH FKM**PANEL 2**PN. SITI NUR AMALINA  
AZRAM  
PENSYARAH FKM**PANEL 3**PN. NOOR HANIZAH  
ABDUL JALIL  
PED. PSIKOLOGI KANAN**PANEL 4**CIK SYAHIRAH  
MOHAMAD SHUKRI  
MANTAN MPP UiTMCTKB  
2019/2020**PANEL 5**CIK NURUL HUSNA  
MOHAMAD MISNOR  
MANTAN MPP UiTMCTKB  
2019/2020

3 DISEMBER 2020 (KHAMIS) | 10.00 AM - 11.00 AM

f LIVE

<https://www.facebook.com/puitm.bukitbesi>Perpustakaan Cendekiawan UiTM Bukit Besi  
@puitm\_bukitbesi

puitm\_bukitbesi



puitm\_bukitbesi

"LibraryforAll"

**SELEKSI BUKU**

KONTAK:  
Dr. Hau Helmiyah Ahmad Jalaluddin  
Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Universiti Teknologi MARA  
012-2000000

PROFIL:  
Dr. Hau Helmiyah Ahmad Jalaluddin  
Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Universiti Teknologi MARA  
012-2000000

**SELEKSI BUKU**

KONTAK:  
ZABA  
Pendekta Za'ba  
012-2000000

PROFIL:  
ZABA  
Pendekta Za'ba  
012-2000000

**SELEKSI BUKU**

KONTAK:  
Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad  
012-2000000

PROFIL:  
Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad  
012-2000000

**SELEKSI BUKU**

KONTAK:  
Azizi Hj. Abdullah  
012-2000000

PROFIL:  
Azizi Hj. Abdullah  
012-2000000

**SELEKSI BUKU**

KONTAK:  
Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad  
012-2000000

PROFIL:  
Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad  
012-2000000

Program slaran langsung kali ke-3 anjuran Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah membawakan segmen bicara buku yang menampilkan 5 orang panel jemputan yang terdiri daripada 2 orang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, 2 orang mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2019/2020 dan seorang Pegawai Psikologi Kanan. Dengan tajuk "Resensi Buku: Sumber Motivasi Kami", lima judul seleksi buku telah dikupas oleh kelima-lima panel jemputan antaranya Seorang Tua di Kaki Gunung (Azizi Hj. Abdullah), Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri (Pendekta Za'ba), Bahagia & Membahagiakan: Kaedah Transformasi Minda (Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad), Himpunan Status Facebook #ProfMuhaya: Ayuh, Audit Diri (Prof. Dr. Muhaya Hj. Mohamad) dan Don't Be Sad (The Bingkisan Hati).

Di dalam resensi ini, setiap panel jemputan perlu berkongsi data buku yang dipilih iaitu judul buku, tahun penerbitan, bilangan muka surat, fizikal buku, harga buku dan lain-lain lagi. Di samping itu, mereka perlu menceritakan sinopsis buku dan menghuraikan intipati yang terkandung di dalam buku tersebut termasuk kebaikan dan kekurangan yang terdapat pada buku tersebut, seterusnya berkongsi mengapa buku seleksi menjadi sumber motivasi mereka. Program yang direncana selama 1 jam bermula pukul 10 pagi, telah berakhir dengan tambahan masa selama 30 minit.

Disediakan oleh : Nur Aina Amira Rasidi



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil

**LIVE STREAMING**

Nasional Perpustakaan UiTM/Channel FB Rasmi PTAR Kampus Dengkil

Bersamaan dengan program **LIVE@PTAR** Segmen Bicara Pakar **DISLEKSIA** pada hari ini, 17 Disember 2020 | 2.30 PETANG.

PANEL JEMPUTAN:  
**PUAN MAHFUZAH BINTI ZAINOL**  
Ahli Terapi Carakerja

MODERATOR:  
**PUAN NUR AINA AMIRA BINTI RASIDI**  
Pustakawan, PTAR Kampus Dengkil

\*Juru Iatihan akan diberikan kepada Warga Utim.

ANJURAN: Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
Cawangan Selangor, Kampus Dengkil

**LIVE @ 11:56**

**BAHAGIANA DIAGNOSIS DISLEKSIA**

Untuk mendalami diagnosis disleksia, memerlukan beberapa ujian yang tidak hanya berterpusuk kepada huruf terbalik ataupun hal akademik semata-mata.

Mosih disleksia memerlukan penilaian terperinci dalam aspek :

- persepsi visual
- integrasi visual motor
- Visual memory
- Auditory memory
- dan lain-lain aspek yang menyebabkan murid disleksia menghadapi masalah dalam pembelajaran seperti membaca dan menulis.

Untuk melihat semula program:

i. YouTube Perpustakaan UiTM

<https://www.youtube.com/watch?v=-QA6dfoS-iE>

ii. FB Page PTAR Kampus Dengkil

<https://www.facebook.com/125393261365198/posts/841437283094122/>

Pada 17 Disember 2020 (Khamis), julung kalinya program *Live@PTAR* dianjurkan oleh PTAR Kampus Dengkil dengan memilih segmen bicara pakar yang bertajuk *Disleksia*. Ia merupakan program perkongsian pengetahuan dan maklumat oleh ahli terapi carakerja mengenai *Disleksia*. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Nur Aina Amira binti Rasidi, Pustakawan, PTAR UiTM Dengkil, bersama panel jemputan Puan Mahfuzah binti Zainol, Ahli Terapi Carakerja.

Antara objektif program ini ialah untuk membudayakan ilmu dalam perkongsian maklumat dan pengetahuan dalam kalangan warga universiti. Selain itu, program ini dapat memberi pendedahan mengenai *Disleksia* sebagai pengetahuan umum, dan berkongsi maklumat mengenai *Disleksia* dari segi ciri-ciri, jumlah kanak-kanak atau murid di Malaysia, perbezaan antara *Disleksia* dan persepsi visual, cara *disleksia* didiagnos, masalah dan impak yang dihadapi dalam kehidupan individu *Disleksia*, teknik pengajaran, langkah-langkah dan intervensi terapi carakerja serta tempat mendapatkan bantuan bagi individu yang mempunyai simptom *Disleksia* ini.

Program ini telah mendapat sebanyak 368 tontonan melalui platform YouTube Rasmi Perpustakaan UiTM dan laman Facebook PTAR Kampus Dengkil.

YouTube



Facebook



PTAR Kampus Dengkil Page is live now

Join livechatLive@PTAR bersama Disk...

Apakah perkara disleksia mencakup persepsi visual?

As stated by Nur Aina Amira dan Nurul Huda, Sambutan mereka watching with you.

Nurul Huda: Hal Alsalamah selamat semasa 3

Praveen: Asalamualaikum

Sathya Devi: Hi mazlan mazlan

Houze Yeo: Thanks for sharing ❤️

Se Muziz: Is watching with you

Azrin Amin: Is watching with you

Sue Harts: Is watching with you

# SESI KUNJUNGAN HORMAT PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UiTMCT 2 DISEMBER 2020


اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Terengganu



Pengurusan Perpustakaan Cendekian Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun mengadakan Sesi Kunjungan Hormat Perpustakaan bersama Pengurusan Tertinggi UiTMCT pada 2 Disember 2020, Rabu yang lalu. Pengurusan Tertinggi UiTMCT yang hadir ialah Prof. Madya Ts. Dr. Mazidah Puteh (Rektor), Prof. Madya Ts. Dr. Saripah Fauziah Syed Draman (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik), dan Dr. Hj. Rosman Mahmood (Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri). Turut hadir ialah En. Mohd Nasrul Mizan Mohd Nasir (Penolong Pendaftar Kanan) menggantikan Ts. Dr. Ermeey Abdul Kadir (Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar) yang tidak dapat turut sama pada sesi kali ini.

Antara perkongsian yang diadakan ialah pembentangan sistem perkhidmatan Perpustakaan UiTM seperti *UiTM Library Mobile App*, *MyKnowledge Management Portal*, *OPAC WILS-Cadangan Buku Baharu*, *Online Finding Aid System*, dan pelbagai sistem perpustakaan lain yang boleh digunakan untuk mengakses sumber rujukan akademik, terutamanya di sepanjang sesi *Open Distance Learning (ODL)* yang dilaksanakan di seluruh sistem UiTM sekarang. Secara keseluruhannya sesi ini disambut baik oleh Pengurusan Tertinggi UiTMCT, dan pelbagai cadangan telah dikemukakan hasil perbincangan bersama bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan di kalangan warga UiTMCT.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Terengganu



eExhibition@Library Vol. 4/2020 PU/ITM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu memaparkan informasi ringkas mengenai khasiat tanaman herba. Penggunaan ubatan tradisional melalui tanaman herba ini jauh lebih murah daripada ubat-ubatan moden. Penawar penyakit berkos rendah ini bersifat semulajadi dan semakin luput di pengetahuan. Justeru, pameran maya hari ini bertujuan memberi pengetahuan kepada umum mengenai beberapa jenis tanaman herba serta khasiatnya kepada kesihatan kita. Untuk akses lanjut sila imbas kod QR pada poster. Semoga bermanfaat.

**JOM FIT FIGHT! : KAYAK - 'KAYUH AWOK YERI'**  
**30 DISEMBER 2020**



Seramai lima orang staf Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah terlibat dalam Program Jom Fit Fight! anjuran Unit Sukan UiTMCT. Aktiviti lasak penutup tahun 2020 diadakan pada 30 Disember 2020, Khamis yang bertujuan untuk membolehkan staf UiTMCT mencuba untuk berkayak di Tasik Puteri, Bukit Besi, di bawah pemantauan pelatih berpengalaman. Program bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir jam 1 tengahari.

# TAHNIAH PTAR, UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN MENJADI JUARA KESELURUHAN ANUGERAH KHAS REKTOR KATEGORI PEJABAT: KEPUASAN PELANGGAN DALAM MAJLIS ANUGERAH HARI INOVASI

اقرأ

Disediakan oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman

22 DISEMBER 2020

BERITA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka, Kampus Jasin



Pada 22 Disember 2020 Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah memenangi Anugerah Khas Rektor - Kategori Kepuasan Pelanggan dalam Majlis Anugerah Hari Inovasi (MSHI) 2020 dengan tema 'Kebersamaan Dan Keterlibatan Dalam Norma Baharu Menjamin Kelangsungan Inovasi Universiti' anjuran Unit Kualiti dan Pentadbiran UiTM Cawangan Melaka. Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor yang bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

Dalam program tersebut, pihak perpustakaan telah memenangi kategori Anugerah Khas Rektor Kategori Pejabat: Kepuasan Pejabat, iaitu:

1. **Johan Kategori Pejabat:** Kepuasan Pelanggan Kampus Jasin - PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin
2. **Johan Kategori Pejabat:** Kepuasan Pelanggan Kampus Bandaraya - PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya
3. **Naib Johan Kategori Pejabat:** Kepuasan Pelanggan Kampus Alor Gajah - PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
4. **Johan Keseluruhan Kategori Pejabat:** Kepuasan Pelanggan - PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.



## SESI PERKONGSIAN MAKLUMAT KATALOG COPY CATALOGING 24 DISEMBER 2020



Pada 24 Disember 2020 Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan satu sesi perkongsian maklumat katalog (Copy Cataloging) buku wakaf di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Encik Ahmad Nazri Jaafar, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Sesi perkongsian ini dilakukan bagi mengajar staf PTAR Kampus Jasin cara-cara membuat copy cataloging buku wakaf untuk dimasukkan ke dalam sistem WILS. Semoga ilmu yang diberi dapat memberi manfaat dan memudahkan proses kerja perpustakaan.

# LATIHAN SANGKUT (JOB ATTACHMENT) SECARA ATAS TALIAN JABATAN ARKIB UNIVERSITI (JAU), UiTM SHAH ALAM SEPANJANG DISEMBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



JAU telah mengadakan Latihan Sangkut (Job Attachment) secara atas talian kepada seluruh staf Unit Arkib Cawangan (UAC) UiTM. Latihan sangkut ini telah diadakan sebanyak 4 siri pada setiap Isnin hingga Rabu sepanjang bulan Disember 2020. Siri-siri latihan sangkut ini telah dijadualkan seperti berikut:

Siri 1:

7-9 Disember 2020 (UiTM Johor, Negeri Sembilan & Selangor)

Siri 2:



14-16 Disember 2020 (UiTM Perak, Pulau Pinang, Kedah & Perlis)

Siri 3:

21-23 Disember 2020 (UiTM Kelantan, Terengganu & Pahang)

Siri 4:

28-30 Disember 2020 (UiTM Melaka, Sabah & Sarawak)



Latihan sangkut ini merupakan kali pertama dibuat secara atas talian menggunakan platform Cisco Webex berikutan keadaan semasa di Malaysia akibat wabak COVID-19. Sepanjang sesi latihan sangkut atas talian ini, staf UAC telah diberi taklimat berhubung dengan hal ehwal pengurusan rekod antaranya pelupusan rekod, pelantikan pengurus rekod, pemuliharaan bahan dan lain-lain yang berkaitan. Mereka juga didekah dengan fungsi-fungsi setiap bahagian dan unit di JAU iaitu Bahagian Pengurusan Rekod, Unit Rekod dan Arkib Universiti, Unit Pemuliharaan Bahan dan Unit Penyelidikan dan Dokumentasi.

Staf-staf UAC yang terlibat amat menyambut baik dan menyokong latihan sangkut ini. Walaupun terdapat beberapa kekangan dari segi pelaksanaan praktikal dan cara penyampaian namun ia dikira suatu kejayaan baharu yang boleh ditambahbaik pada masa akan datang. Selain itu, staf UAC juga berpeluang memberi input dan pendapat untuk penambahbaikan gerak kerja pengurusan UAC. Semoga perkongsian yang disampaikan dapat memberi nilai tambah kepada pelaksanaan perkhidmatan yang cemerlang di setiap UAC.



#libraryforall @ libraryalbukhari libitmpahang f puitmpahang http://pahang.library.uitm.edu.my

Pada 27 November 2020 hingga 6 Disember 2020 Program "Come & Win Lucky Draw" telah dijalankan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar untuk datang ke perpustakaan dan meminjam buku. Program ini dijalankan selama 11 hari dan terbuka kepada semua pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

Seramai 5 orang pemenang bertuah yang dipilih daripada 363 orang peserta yang menyertai Program "Come & Win Lucky Draw" ini dan hadiah para pemenang telah disampaikan oleh Puan Hajah Rosnita bt Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Al-Bukhari.



# PROGRAM JELAJAH JOM CERGAS BERSAMA UNIT SUKAN UiTM CAWANGAN PAHANG 2020@PAB

إقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG

Pada 8 Disember 2020 (Selasa), Program Jelajah Jom Cergas diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang anjuran kerjasama daripada Pelajar Fakulti Sains Sukan (FSR) dan Unit Sukan UiTM Cawangan Pahang bersama semua staf Perpustakaan Al-Bukhari.

Program ini merupakan aktiviti senamrobiik santai bersama staf Perpustakaan Al-Bukhari dan staf Unit Sukan yang dibantu oleh pelajar Fakulti Sains Sukan (FSR). Selain itu, perkongsian berkaitan teknik senaman dan kesihatan tubuh badan juga telah di sampaikan oleh Puan Hamidah bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Sukan, UiTM Cawangan Pahang.

Seramai 30 orang staf Perpustakaan Al-Bukhari, Unit Sukan dan pelajar Fakulti Sains Sukan yang terlibat dalam program ini.



**PROGRAM "LET'S EXPLORE OUR  
PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI" (PAB)**  
**1-15 DISEMBER 2020**

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



1 hingga 15 Disember 2020, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama MPP, JPK dan SMP telah menganjurkan Program Let's Explore our Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Dalam program ini terdapat 4 aktiviti yang dijalankan secara serentak seperti "Shelf Discovery", "Library to you: Lucky Draw", "Let's Read and Review" dan Let's Read, Eat and Relax".

Program ini merangkumi aktiviti seperti video ulasan berkaitan perpustakaan, membuat video ulasan buku yang dipinjam, mengadakan aktiviti "Book To Door" khas kepada pelajar termasuk 5 cabutan bertuah kepada peminjam terbanyak dan membuka kaunter pepustakaan bergerak di Kolej Tok Gajah.

Penyertaan peserta program ini sangat baik dan program ini telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar yang menginap di UITM Cawangan Pahang.



PROGRAM "OFFICE EXERCISE: BASIC WORKOUT  
AT YOUR OWN WORK PLACE"  
15 DISEMBER 2020

اقرأ  
BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali




PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG

Pada 15 Disember 2020 (Selasa), Program "OFFICE EXERCISE: BASIC WORKOUT AT YOUR OWN WORK PLACE" iaitu Senaman Asas di Pejabat telah diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari dengan kerjasama pelajar Fakulti Sains Sukan UiTM Cawangan Pahang.

Aktiviti senaman asas ini boleh dilakukan di mana-mana saja terutama di pejabat termasuk ruang kerja staf. Senaman asas yang mudah dilakukan walaupun berada di meja kerja ini tidak terbatas di dalam bangunan sahaja dan senaman boleh dilakukan diluar bangunan juga dengan mengutamakan keselamatan walau di mana kita melakukan senaman tersebut.

Seramai 23 staf Perpustakaan Al-Bukhari dan 5 orang pelajar Fakulti Sains Sukan UiTM Cawangan Pahang terlibat dalam program ini.



The poster features a large, stylized title "OFFICE EXERCISE" in black and white. In the top right corner is the logo for "FSR" (Fakulti Sains Sukan) with the tagline "Senaman Sains Sukan Bersekolah". Below the title, there is a photograph of a man in a blue shirt and black pants performing a lunge exercise. To his right, the text reads: "Let's a professional instructor safely guide you to learn: BASIC WORKOUT AT YOUR OWN WORK PLACE". Further down, it specifies the date and time: "On TUESDAY, 15/12/2020 at 10:00am to 10:30am". The location is given as "@ Al Bukhari Library, UiTM Jengka". At the bottom, there is a call to action: "LET'S JOIN ANY INQUIRY CALL 019 993 8724-NAD" with a phone icon.



# LIBRARY OUTREACH: PERJUMPAAN BERSAMA PEGAWAI PERHUBUNGAN FAKULTI/JABATAN

18 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Pulau Pinang



Satu perjumpaan antara Pegawai Perhubungan Fakulti/Jabatan dengan pegawai-pegawai di PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Disember 2020 untuk mencapai objektif-objektif yang telah digariskan seperti berikut :

- Memperkenalkan Pegawai Perhubungan Fakulti/Jabatan kepada staf perpustakaan
- Memberi makluman mengenai Perkhidmatan & Kemudahan Perpustakaan
- Memberi makluman mengenai Perkhidmatan Digital Perpustakaan
- Memberi makluman mengenai Pembangunan Bahan dan Koleksi Perpustakaan
- Memberi makluman mengenai Perkhidmatan Arkib Universiti
- Menjalin hubungan yang lebih erat di antara pihak Fakulti dan Jabatan dengan perpustakaan

Seramai 12 orang Pegawai Perhubungan Fakulti/Jabatan telah dilantik bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan perpustakaan melalui jalinan kerjasama dan komitmen 2 hala antara pihak Perpustakaan dan Fakulti-/Jabatan. Di akhir sesi, semua Pegawai Perhubungan Fakulti/Jabatan dibawa melawat sekitar perpustakaan untuk melihat lebih dekat proses kerja perpustakaan secara am.

**PROGRAM DARE 2B FIT 2020**  
**BERMULA OGOS 2020 HINGGA 16 DISEMBER 2020**

اقرأ

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

BERITA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Pulau Pinang



Program Dare 2B Fit 2020 iaitu sebuah program kecergasan dan kesihatan anjuran PTAR, Unit Kesihatan dan Program Fisioterapi UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam telah melabuh tirainya pada 16 Disember 2020. Ia telah bermula pada Ogos 2020 dan melibatkan 50 peserta pelbagai jawatan termasuk penyertaan dari pada Penolong Rektor Kampus Bertam, Dr. Siti Nur Fadzilah Muhsain.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang 3 bulan ini ialah saringan kesihatan, ceramah kesihatan, senam sihat, berbasikal, hiking dan pertandingan memasak "Cooking for Diet". Acara kemuncak dan penyampaian hadiah kepada pemenang turut dimeriahkan dengan kehadiran Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang. Hadiah disampaikan kepada pemenang-pemenang dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Mr/Mrs Fit dan kategori Mr/Mrs Lose yang diadili berdasarkan pencapaian peserta sepanjang 3 bulan program berlangsung.



# ODL: PELAJAR VS PENGAJAR

## 3 DISEMBER 2020

Disediakan oleh : Shahidatul Akhmm Rambeli

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana



STAY CONNECTED

LIVE @PTAR

Segment: Sembang Santai

## ODL: PELAJAR vs PENGAJAR

Dec 3 Thursday | 10am



**Statistik Viewers semasa "LIVE":**

Youtube Perpustakaan UiTM : 217 viewers  
FB PTAR PP UiTM : 155 viewers  
Jumlah View semasa : 372 viewers

**Link Live:**

Facebook:- <https://bit.ly/3qCAuCq>

Youtube:- <https://bit.ly/3n4MOcy>

Facebook



YouTube



Pada 3 Disember 2020 (Khamis), julung kalinya program Live@PTAR dianjurkan oleh PTAR Kampus Puncak Perdana dengan memilih segmen sembang santai yang bertajuk ODL: Pelajar vs Pengajar. Ia merupakan program perkongsian pengetahuan, maklumat, idea dan pandangan dikalangan pelajar dan pengajar UiTM. Segmen ini telah mendapat kerjasama yang baik dengan Fakulti Pengurusan Maklumat dengan mengetengahkan panel jemputan yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah FPM.

Program ini telah dikendalikan oleh Puan Shahidatul Akhmm, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Puncak Perdana selaku moderator, bersama panel jemputan, Dr Irwan Kamaruddin Abdul Kadir, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Saudari Priscilla Tius, Pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Saudara Muhammad Nur Syaq Shamsuddin, Pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat. Antara objektif program ini ialah membudayakan ilmu dalam perkongsian maklumat dan pengetahuan dalam kalangan warga universiti, memberi pendedahan terhadap pengajaran dan pembelajaran secara ODL yang dilalui oleh pelajar dan pengajar serta berkongsi mengenai pengurusan masa, kekangan, harapan dan ekspektasi dalam berhadapan dengan ODL.

# SERAHAN JURNAL DAN MAJALAH PTAR KABS UNTUK DIJILID DI PTAR KOMPLEKS ALAM BINA & SENIREKA (PTAR KABS)

24 DISEMBER 2020



اقرأ

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Selangor, Puncak Alam



Pada 24hb Disember 2020, staf PTAR KABS telah menjalankan aktiviti mengumpul, menyusun, mengikat dan menyerahkan jurnal dan majalah yang dilanggan untuk dihantar bagi proses penjilidan. Jurnal dan majalah tersebut merupakan jurnal dan majalah bagi tahun penerbitan 2019 yang menjadi bahan rujukan tambahan bagi pelajar-pelajar Fakulti Senilukis dan Senireka juga bagi pelajar-pelajar Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur di PTAR KABS. Sebanyak 16 judul dan 113 naskhah jurnal dan majalah telah dikumpulkan dan di hantar untuk proses penjilidan ke PTAR induk Puncak Alam.

**PAMERAN PENGKISAHAN SEJARAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
1 DISEMBER 2020**

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam

bersama bersama bersama Perpustakaan UiTM

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

# PAMERAN

# PENGKISAHAN

# SEJARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Sepanjang bulan Disember 2020

Sumber : Jabatan Arkib Universiti

Virtual Exhibition

Untuk melihat pameran ini,  
sila imbas kod ini:

*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Shah Alam telah menganjurkan Pameran Pengkisahan Sejarah Universiti Teknologi MARA bertempat di Galeri PTAR sepanjang bulan Disember 2020. Pameran ini adalah berkisarkan sejarah penubuhan UiTM. Objektif utama pameran ini ialah untuk mengenali sejarah penubuhan UiTM, peneraju penubuhan UiTM serta mengembalikan nostalgia di mana universiti ini bermula.*

*Pameran ini juga boleh didapati secara maya di pautan: <https://virtualexhibitionptar.blogspot.com/>.*



# LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR: CABARAN BAKAL GRADUAN PASCA COVID-19

2 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



LIVE YouTube UITM Channel  
FB Razali UITM Library

## BICARA PAKAR: CABARAN BAKAL GRADUAN PASCA COVID

2 DISEMBER 2020 | 10:00 PAGI

ANJURAN  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

PANEL JEMPUTAN  
DATO' SRI DR. IRMOHIZAM IBRAHIM  
Ahli Lembaga Pengarah UITM dan  
Mantan Presiden Majlis Belia Selangor

MODERATOR  
MUHAMMAD NASHRYMIE NIZAR  
BIN MOHD SAMSOL ZAWAWI  
Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kolej Perindu,  
UITM Shah Alam



STAY CONNECTED

**Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam** telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Cabarhan Bakal Graduan Pasca Covid" di bawah segmen Bicara Pakar. Program ini telah dikendalikan oleh saudara Muhammad Nashrymie Nizar Bin Mohd Samsol Zawawi, pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajaran Media dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kolej Perindu, UITM Shah Alam selaku moderator dan panel jemputan, YBhg. Dato Sri Dr. Irmoizam Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah UITM serta Mantan Presiden Majlis Belia Selangor. Antara objektif pelaksanaan program ini ialah membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan membaca, meningkatkan ketampakan (visibility) Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dalam aspek pembudayaan ilmu dan menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.

YBhg. Dato Sri Dr. Irmoizam Ibrahim berbesar hati berkongsi pandangan mengenai cabaran kebolehpasaran graduan pasca COVID-19. Bakal graduan perlu bersaing bagi mendapatkan peluang pekerjaan di samping berusaha mengadaptasi situasi semasa serta mengenalpasti kemahiran-kemahiran baharu yang diperlukan oleh pihak industri. Selain itu, beliau turut memberi cadangan kepada bakal graduan dalam menghadapi sebarang kemungkinan pasca COVID-19 ini. Semoga perkongsian program kali ini dapat memberi manfaat kepada mahasiswa atau bakal graduan.



Siaran ulangan program boleh dilihat di pautan Facebook dan YouTube Perpustakaan UITM:

YouTube



Facebook



Bagi menyokong program galakan membaca, beliau menyeru kepada warga UITM khususnya, agar membudayakan budaya membaca kerana ianya adalah satu budaya yang sangat murni. Menurutnya, ilmu haruslah dicari sama ada membaca di media sosial, media digital atau bahan sedia ada kerana kita lah yang akan menentukan masa hadapan. Beliau juga menggalakkan supaya membaca perkara-perkara yang berilmiah untuk membangunkan minda, fizikal serta kedudukan dan kelestarian selaku warga UITM.



# LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR KESIHATAN: “PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENJAGAAN DIRI: BEAUTY WITH BRAIN”

اقرأ

3 DISEMBER 2020

LIVE

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



Youtube UiTM Channel  
FB Rasmi UiTM Library



## BICARA PAKAR BERSAMA DR. SELEBRITI PENJAGAAN KESIHATAN DAN PENJAGAAN DIRI : BEAUTY WITH BRAIN

3 DISEMBER 2020 | 3:00 PETANG

ANJURAN  
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

PANEL JEMPUTAN  
DR. LIYANA DHAMIRAH AMINUDDIN  
PAKAR PERUBATAN  
HOSPITAL UITM

MODERATOR  
PUAN SITI ROHAYU MOHD YUSOF  
PUSTAKAWAN KANAN  
PTAR UiTM SHAH ALAM

\*Jam Latihan akan diberikan kepada warga UiTM



Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam Selangor

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

Top chat replay -

- Live Chat replay is on. Messages that appeared when the streamer went live and drove the live.
- EVALU8\_MUADZ MOHD MUSTAQIM** Assalamualaikum wrba wrb
- Asyraflyy Hizmatul** Assalamualaikum..
- JAHMICOLEEN JOKHAR** Assalamualaikum..
- rahmat arifah** Assalamualaikum wrb
- Nur Shafiqah** Assalamualaikum..
- JUDYDARYN ABD HAMID** Assalamualaikum
- MIZORAH ABD MALLI** Assalamualaikum dan selamat segera semas
- HAFIZAH JELLINE** Assalamualaikum dan selamat segera semas
- marzi chelief** assalamualaikum wrb dan salam 1 Malaysia
- Ainurrafiq** Assalamualaikum wrb..
- FATIMA KHAMISOLINA** 😊

Siaran ulangan program boleh dilihat di pautan Facebook dan YouTube Perpustakaan UiTM:



YouTube



Facebook

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk “Penjagaan Kesihatan dan Penjagaan Diri: Beauty With Brain” di bawah segmen Bicara Pakar Kesihatan. Program ini telah dikendalikan Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam selaku moderator dan panel jemputan Dr. Liyana Dhamirah Aminuddin Pakar Perubatan Hospital UiTM.

Panel jemputan Dr. Liyana Dhamirah Aminuddin berbesar hati berkongsi pandangan dari sudut penjagaan kesihatan, begitu juga tip-tip untuk mengekalkan kesihatan terutamanya dalam Pandemik COVID-19 ini. Beliau berpendapat bahawa keseimbangan kecantikan dalaman dan luaran amat penting dalam kehidupan seseorang. Ia boleh diperoleh dengan pengambilan makanan yang seimbang. Selain itu, beliau turut memberi penjelasan mengenai penjagaan muka terutamanya ketika memakai pelitup muka. Kesimpulannya, kesihatan haruslah dijaga dari pelbagai aspek seperti fizikal, mental, emosi dan sosial. Sepanjang menghadapi Pandemik Covid 19 ini, kesihatan mental haruslah dipelihara dengan mendapatkan sistem sokongan yang baik.



# LIVE@PTAR PROGRAM BICARA PAKAR: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN SEJAHAR, CABARAN DAN MASA HADAPAN

17 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor

LIVE



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



**LIVE@PTAR** **Youtube Perpustakaan UiTM**  
**FB Rasmi UiTM Library**

## PROGRAM BICARA PAKAR: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Sejarah, Cabaran dan Masa Hadapan

ANJURAN BERSAMA  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM

17 DISEMBER 2020

10:00 PAGI-12:00 TENGAH HARI

PANEL JEMPUTAN

**PROF. DR SHAMRAHAYU AB AZIZ**  
Penyayang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM

MODERATOR

**EN. MOHD YUNUS ABU SAMAH**  
Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "Perlembagaan Persekutuan Sejarah, Cabaran dan Masa Hadapan" di bawah segmen Bicara Tokoh. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yunus Abu Samah, Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, selaku moderator dan bersama dengan panel jemputan, Prof. Dr Shamrahayu Ab Aziz, Penyayang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM.



Siaran ulangan program boleh dilihat di pautan Facebook dan YouTube Perpustakaan UiTM:

YouTube



Facebook



Pengisian program ini dimulakan dengan penerangan maksud perlembagaan oleh panel jemputan. Melalui konteks perundungan, perlembagaan adalah merupakan perundungan tertinggi yang perlu ditatai oleh segenap lapisan masyarakat dan juga lambang kemerdekaan sesebuah negara.

Prof. Dr Shamrahayu turut mengulas mengenai pindaan perlembagaan dan sistem kehakiman sebagai cabaran kepada perlembagaan Malaysia. Rakyat Malaysia perlu memahami perlembagaan Malaysia dengan lebih mendalam kerana ia merupakan identiti negara dan merupakan sebuah nilai warisan. Semoga pengisian program pada kali ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya warga UiTM.

Disediakan oleh : Hapsah Suut

**LIVE**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Sarawak

Pada 4 Disember 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsungnya program Live FB PTAR Sarawak yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak. Program kali ini dijalankan secara talian dan ditunda ke tarikh ini berikutan penularan Pandemik COVID-19 yang melanda negara. Objektif program ini adalah untuk melahirkan rasa cinta kepada Nabi Muhammad S.A.W yang merupakan rahmat sekalian alam, meningkatkan pengetahuan mengenai sejarah kehidupan Nabi Muhammad S.A.W dengan lebih jelas dan melahirkan rasa syukur atas kelahiran Nabi Muhammad S.A.W bersempena dengan Maulidur Rasul 1442H/2020M, sedikit sesi perkongsian ilmu bersama Ustaz Wan Muhammad Mujahid Bin Wan Alwi dan sesi 'Marilah Kita Berselawat' bersama kumpulan Wildanie.

Live FB PTAR Sarawak: <https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>



Like & follow kami: <https://twitter.com/libuitmsarawak>  
[https://www.instagram.com/ptar\\_sarawak/](https://www.instagram.com/ptar_sarawak/)  
<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>  
<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>

## LATIHAN SANGKUT ARKIB

28 - 30 DISEMBER 2020

**BERITA**

Kemunculan Pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan hampir seluruh dunia melakukan sekatan pergerakan lockdown dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di Malaysia bagi menghapuskan rantaian wabak tersebut. PKP telah menyebabkan penutupan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di kebanyakan negara termasuklah Malaysia. Lantaran penutupan sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi sejak PKP fasa 1 di Malaysia, proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah bertukar kepada sesuatu yang bukan baharu tetapi mula dilihat sebagai pilihan yang tepat pada ketika ini iaitu pembelajaran secara maya. Ia adalah sejarah dengan sasaran kerjaan Malaysia ke arah kehidupan secara norma baharu.



Kelas-kelas secara maya telah mula dipraktikkan oleh para pensyarah dan staf pentadbiran di universiti bagi memastikan pelajar masih boleh menjalani proses P&P. Di sini, disertakan beberapa adaptasi dan aplikasi yang boleh digunakan ke arah pembelajaran akademik secara maya dengan lebih interaktif dan efektif. Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Samarahan, beberapa orang staf perpustakaan antaranya Puan Nur Afeqah Abdullah, Pustakawan Kanan, En. Nur Afnan Ludin, Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Norasikin Sabri dan En. Yusuf Melian, Pembantu Pustakawan telah menghadiri Latihan Sangkut Arkib pada 28-30 Disember 2020 di bilik IT PTAR Kampus Samarahan.

# BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) 2021

## 2 & 3 DISEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Hapsah Suut

BERITA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Sarawak

برڠطا

برڠطا

البرڠطا

برڠطا



برڠطا



Pada 2 dan 3 Disember 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan bengkel sasaran kerja tahunan (SKT) 2021 di sudut IT PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samaraham 2. Bengkel ini telah disertai oleh 30 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan kumpulan sokongan. Objektif bengkel SKT ini ialah untuk menyelaras dan menetapkan SKT jabatan bagi tahun 2021 berdasarkan Pekelliling Perkhidmatan dan juga menetapkan sasaran kerja bagi tahunan.

## BENGKEL MYPORFOLIO

## 16 & 17 DISEMBER 2020



Bengkel MyPortfolio Peringkat Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah diadakan pada 16 & 17 Disember 2020 bertempat di Bilik IT PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samaraham 2. Bengkel ini telah menghimpuinkan seramai lebih kurang 30 staf yang terdiri daripada ketua serta staf setiap unit atau bahagian untuk membincang dan merangka tugas serta fungsi setiap unit atau bahagian di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak. Melalui bengkel ini juga mereka yang terlibat akan mempelajari fungsi, tugas, peranan, tanggunjawab dan penyediaan Myportfolio setiap unit atau bahagian. Bengkel tersebut telah diberi tunjuk ajar, taklimat dan penerangan oleh pegawai, Puan Norhati Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Nur Afeqah Abdullah, En. Abang Mohamad Farizan Bin Abang Yakup, Pustakawan Kanan, En. Khairil Baharom Rosli, Khairunniqmah Binti Othman, Cik Dayang Azimah Abang Yusuf, Pustakawan.

# LAWATAN PTAR BERSAMA PENGURUSAN EKSEKUTIF UiTM CAWANGAN SARAWAK KE VIRTUAL PARK

7 DISEMBER 2020

Disediakan oleh : Hapsah Suut

BERITA

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Sarawak



Pada 7 Disember 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak bersama Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Sarawak telah membuat lawatan ke Virtual Park, Kota Samarahan Sarawak. Seramai 16 ahli Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Sarawak bersama 6 orang staf PTAR Cawangan Sarawak selaku pengiring. Antara tujuan lawatan tersebut adalah untuk melihat bagaimana tatacara pengendalian, pengaturcaraan serta penggunaan teknologi terkini (AI), berkongsi idea dan bertukar pandangan berkenaan pengurusan dalam dunia digital, mencari ruang dan peluang untuk menjalin kolaborasi dengan pihak Virtual Park. Selain itu, merasai sendiri pengalaman menggunakan peralatan teknologi terkini, mencari ruang penambahbaikan pengurusan untuk menghadapi norma baharu dalam akademik dan aktiviti fizikal. Semoga perkongsian ilmu ini memberi banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



## LAWATAN KE UNIT ARKIB PTAR CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN 30 DISEMBER 2020



Pada 30 Disember 2020, beberapa orang staf daripada PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah membuat satu lawatan ke Unit Arkib staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan susulan daripada perbincangan untuk membuat rujukan bahan-bahan di unit Arkib sebelum ini. Rombongan lawatan ini diketuai oleh Cik Dayang Azimah, En. Abang, Pustakawan, Abang Mohamad Farizan bin Abang Yakup, Pustakawan Kanan, En. Khairil Baharom Rosli, Pustakawan, dan diiringi 7 orang staf PTAR UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Lawatan ini bertujuan untuk penerbitan "Coffee Table Book" agar dapat melihat sendiri bahan yang hendak dirujuk di Unit Arkib mengikut SOP.

# MAJLIS JASAMU DIKENANG “SETULUS BUDI, KENANGAN ABADI” 29 DISEMBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Johor

Übergabe Übergabe überdringlich Perpustakaan UTM



Pada 29 Disember 2020, Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan sebagai tanda ingatan kepada Puan Hajah Nor Asihah binti Alias, Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Tun Dr. Ismail UiTM Cawangan Johor. Beliau telah pun mula cuti bersara mulai 30 Disember 2020 dan akan bersara wajib pada 11 Februari 2021.

Majlis turut dihadiri Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan ucapan penghargaan telah disampaikan oleh Dr. Ahmad Razi bin Ramli, Timbalan Rektor Akademik. Kepimpinan Puan Hajah Nor Asihah amat disegani dan disenangi oleh seluruh staf PTDI dan kehilangan beliau amat dirasai. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang tegas dan amat prihatin dengan kebijakan staf.

Warga PTDI merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diatas segala jasa, tenaga, dan bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di Perpustakaan khususnya dan UiTM Cawangan Johor amnya. Hanya Allah sahaja yang dapat membala segala jasa dan pengorbanan yang diberikan.

Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung  
Hendak membeli tikarlah rotan  
Budi dikenang bakti disanjung  
Kekal subur dalam ingatan



# KUNJUNGAN HORMAT KE FAKULTI PERGIGIAN UiTM KAMPUS SUNGAI BULOH 7 DISEMBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Wan Rohani binti Wan Chin

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Selangor, Kampus Sg. Buloh

iberpustakaan iberpustakaan iberpustakaan berpustakaan UiTM



Pada 7 Disember 2020, Isnin, pihak perpustakaan telah mengadakan satu kunjungan hormat ke Fakulti Pergigian, Universiti Teknologi MARA, Kampus Sungai Buloh. Kunjungan hormat tersebut dihadiri oleh En. Ts. Mohamad Hamidi bin Mohd Jais (Ketua Timbalan Pustakawan), En. Shahrani bin Abdul Manaf (Timbalan Ketua Pustakawan), dan Pn. Wan Rohani Wan Chin (Pustakawan) wakil daripada pihak perpustakaan, manakala wakil daripada pihak Fakulti Pergigian terdiri daripada Prof. Dato' Dr. Mohamed Ibrahim bin Abu Hassan, Dekan Fakulti Pergigian, dan dua belas orang staf akademik dan pentadbiran. Kehadiran pihak perpustakaan disambut baik oleh pihak fakulti.

Objektif kunjungan adalah untuk memperkenal dan mengerakkan hubungan baik antara pengurusan tertinggi fakulti dan pengurusan tertinggi perpustakaan UiTM kampus Sungai Buloh. Kedua, memaklumkan perkara-perkara berkaitan perpustakaan seperti perkhidmatan, kemudahan dan koleksi-koleksi dalam sokongan pembelajaran dan penyelidikan. Ketiga, adalah untuk menjalin hubungan kerjasama antara perpustakaan dan fakulti dalam menjayakan program-program promosi dan yang terakhir adalah perbincangan lain-lain perkara untuk penambahbaikan.



## LIVE@PTAR SEGMENT BICARA PAKAR BERSAMA PAKAR BEDAH HEPATOBILIARY SURGERY HOSPITAL UTM “KENALI HATI ANDA” 18 DISEMBER 2020

اقرأ

LIVE

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Kampus Sungai Buloh telah mengadakan program Live@PTAR pada 18 Disember 2020, 10.30 hingga 11.30 pagi melalui siaran langsung di laman sosial Facebook PTARKSB dan YouTube PTAR. Program ini dikendalikan oleh Puan Wan Rohani Wan Chin selaku moderator, manakala panel jemputan adalah Profesor Madya Dr. Ahmad Ramzi bin Yusoff, Ketua Jabatan Pembedahan, Hospital UiTM yang juga merupakan seorang pakar dalam bidang hati atau Hepatobiliary Surgery. Program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai fungsi-fungsi hati dan penyakit-penyakit berkaitan hati yang jarang dititik berat oleh orang ramai.



Untuk menonton semula:

YouTube



Facebook



# PAMERAN MAYA @ PTAR TAPAH : BASIKAL

## DISEMBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Nur Dayana binti Mohd Narwawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Perak, Kampus Tapah

Ubanggita Ubanggita ubanggita Perpustakaan UiTM



Seperti yang kita sedia maklum, aktiviti berbasikal semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira peringkat umur dan jantina. Hampir setiap hari kita disajikan dengan berita mengenai aktiviti sukan ini terutamanya di media sosial. Tidak dapat disangkal lagi bahawa setiap aktiviti sukan mempunyai faedah kepada kita terutamanya daripada aspek kesihatan, termasuk aktiviti berbasikal ini. Oleh itu, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan pameran maya mengenai "Basikal" bagi memberi info mengenai salah satu pengangkutan yang semakin popular ini.

Sila layari <https://perak.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> untuk mengakses pameran maya "Basikal" atau imbas kod QR untuk maklumat lanjut.

# PAMERAN MAYA @ PTAR TAPAH : EMAS

## DISEMBER 2020



Emas sememangnya terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu, India dan Cina. Sebagaimana yang diketahui, emas sememangnya mempunyai nilainya yang tersendiri. Jika dahulu emas hanya dijadikan sebagai barang perhiasan terutamanya bagi kaum wanita, kini ianya menjadi satu medium pelaburan. Ternyata emas merupakan satu bentuk pelaburan yang popular dan bukan sahaja dijadikan sebagai barang semata-mata.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai emas, sila layari <https://perak.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> atau imbas kod QR yang terdapat di poster.

# PROGRAM LIBRARY OUTREACH "MOH PINJAM BUKU" PTAR UiTM CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

10 DISEMBER 2020


اقرأ

Disediakan oleh : Nur Dayana binti Mohd Narwawi

BERITA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Perak, Kampus Tapah

Facebook Instagram Twitter YouTube Perpustakaan PTAR



Pada 10 Disember 2020 (Khamis), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menganjurkan Program Library Outreach "Moh Pinjam Buku". Program ini bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan warga universiti di samping mempromosikan bahan bacaan terbaru yang terdapat di PTAR Tapah. Info mengenai portal My Knowledge Management dan Mobile Application UiTM Digital Library turut disampaikan menerusi program ini. Program yang berlangsung selama satu jam ini turut memberi fokus kepada pelajar dan pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) di mana mereka diberikan pendedahan mengenai Online Database, ebook, Institutional Repository dan bahan bacaan yang berkaitan dengan fakulti tersebut. Ini bagi memastikan para pelajar dan pensyarah dapat menggunakan sebaik mungkin setiap kemudahan dan medium pencarian maklumat yang disediakan kepada mereka.

Bagi mengekang penyebaran wabak COVID-19, Program Library Outreach "Moh Pinjam Buku" ini telah diadakan menerusi platform Google Meet dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga UiTM Cawangan Perak. Di akhir program, beberapa soalan telah diberikan dan pelajar dan pensyarah yang berjaya menjawab soalan tersebut telah diberikan saguhati oleh pihak pengajar. Pihak PTAR Tapah berharap agar setiap maklumat yang disampaikan kepada warga universiti menerusi program ini dapat memberi manfaat kepada semua terutamanya dalam kalangan pelajar dan pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

# Promosi@PTAR

## SEARCHING FOR LIBRARY MATERIALS?

Use Online Public Access Catalog (OPAC)  
<https://library.uitm.edu.my/opac.html>



Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA  
Universiti  
Tun Abdul Razak  
PERPUSTAKAAN  
TUN ABDUL RAZAK  
MARAH

## OPAC

SEARCHING FOR LIBRARY MATERIALS?

Use Online Public Access Catalog (OPAC)

<https://library.uitm.edu.my/opac.html>

A screenshot of the OPAC interface shows a search bar at the top, followed by sections for 'Profile' (User information account), 'Search' (Library materials), 'Checked Out Item history', and 'Reserve Book to borrow'. To the right, there are icons for 'Download Book to eReader', 'Late-Fine Lays', 'Recommendations Books/Journals to recommend', and a 'Help' icon.

Profile User information account  
Search Library materials  
Checked Out Item history  
Reserve Book to borrow  
Download Book to eReader  
Late-Fine Lays  
Recommendations Books/Journals to recommend

https://library.uitm.edu.my [Facebook](#) [Twitter](#) [Instagram](#) [LinkedIn](#)



Perpustakaan  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

## Open Access Discovery Portal@PTAR

<http://openaccess.library.uitm.edu.my/>

- Access to digital, online, free of charge, and free of most copyright and licensing restrictions.
- Browse by Subject / Faculty
- List of UiTM Index Journal

More than 9 million open access

Explore Open Access Discovery Portal@PTAR during ODL



<https://library.uitm.edu.my>

[libraryuitm](#)

[utmlibrary](#)

[libraryuitm](#)

## Open Access Discovery Portal@PTAR

Use Open Access Discovery Portal@PTAR during ODL  
<http://openaccess.library.uitm.edu.my/>

- Access to digital, online, free of charge & free of most copyright & licensing restrictions.
- Browse by Subject/Faculty
- List of UiTM Index Journal

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



جامعة  
 UNIVERSITI  
 TEKNOLOGI  
 MARA

Perpustakaan  
 Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
 Bahagian Komunikasi Korporat,  
 Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
 UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



ISO 9001:2015 No. SQU 00105311

UiTM *di hatiku*

**PTAR**  
"LIBRARY for ALL."